

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperolehi daripada soal selidik yang telah dikembalikan. Penyelidik hanya menjalankan analisis terhadap maklumat-maklumat yang dirasakan boleh dipercayai. Beberapa pembolehubah di bahagian A (bahagian latar belakang), terpaksa ditolak oleh penyelidik disebabkan hampir 90% daripada keseluruhan responden tidak mengisi atau menjawab ruang tersebut. Pembolehubah-pembolehubah yang di tolak oleh penyelidik adalah keputusan akademik responden dan juga tahap pengajian responden.

Semua data yang lain dianalisis menggunakan komputer dengan perisian *SPSS for Windows version 10.0.1*. Penganalisaan tertumpu kepada pembolehubah-pembolehubah yang lain di dalam bahagian latar belakang responden, tahap literasi komputer (pengetahuan kognitif, sikap dan kemahiran), hubungan di antara banyak masa menggunakan komputer dengan tahap literasi komputer, hubungan di antara tingkat pendapatan ibubapa dengan tahap literasi komputer, dan juga hubungan di antara sikap dengan kemahiran responden terhadap komputer dengan tahap literasi komputer responden.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Latar belakang responden yang akan dianalisis ialah bangsa, jantina, pemilikan komputer, banyak masa menggunakan komputer, pendapatan keluarga, sumber kewangan sebulan responden dan perbelanjaan responden terhadap komputer.

4.1.1 Taburan responden mengikut pembolehubah latar belakang responden

Seramai 324 orang pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya telah menjadi responden dalam kajian ini. Bilangan ini merupakan 42.9 % daripada keseluruhan populasi. Taburan responden mengikut pembolehubah-pembolehubah di bahagian latar belakang ditunjukkan di dalam jadual 4.1

Di dalam jadual tersebut boleh didapati bahawa bangsa Cina (48.1%) merupakan populasi yang terbesar di dalam memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik. Bangsa Melayu pula menduduki populasi kedua terbesar iaitu 39.8 %.

Dari segi peratusan mengikut jantina pula, para pelajar perempuan mendominasikan soal selidik ini dengan memenuhi 78.4 % daripada keseluruhan populasi. Ini kemungkinan disebabkan jumlah pelajar perempuan di fakulti ini sememangnya jauh lebih besar berbanding jumlah pelajar lelaki.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Pembolehubah Latar Belakang Responden

Pembolehubah	Frekuensi N	Peratusan %
1. Bangsa		
Melayu	129	39.8
Cina	156	48.1
India	38	11.7
Lain-lain	1	0.3
Jumlah	324	100
2. Jantina		
Perempuan	254	78.4
Lelaki	70	21.6
Jumlah	324	100
3. Pemilikan Komputer		
Ya	229	70.7
Tidak	95	29.3
Jumlah	324	100
4. Lama Masa Menggunakan Komputer Seminggu		
0 jam	5	1.5
1 – 5 jam	180	55.6
6 – 10 jam	59	18.2
11 – 15 jam	20	6.2
16 jam dan ke atas	60	18.5
Jumlah	324	100
5. Pendapatan Keluarga Responden Sebulan		
Tidak Bekerja	25	7.7
Kurang daripada RM500	50	15.4
RM501 – RM1000	65	20.1
RM1001 – RM1500	87	26.9
RM1501 – RM2000	31	9.6
RM2001 – RM3000	36	11.1
RM3001 – RM4000	10	3.1
RM4001 – RM5000	0	0
RM5001 dan ke atas	20	6.2
Jumlah	324	100
6. Sumber Kewangan Responden sebulan		
Kurang daripada RM300	137	42.3
RM300 – RM350	72	22.2
RM351 – RM400	80	24.7
RM401 dan ke atas	35	10.8
Jumlah	324	100
7. Perbelanjaan Responden Ke atas Komputer Sebulan		
Tiada	136	42.0
RM1 – RM10	114	35.2
RM11 – RM20	29	9.0
RM21 dan ke atas	45	13.9
Jumlah	324	100

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Di dalam kategori pembolehubah pemilikan komputer, seramai 229 orang responden memiliki komputer sendiri sama ada di rumah ataupun di kolej kediaman masing-masing. Responden juga di dapati paling banyak menggunakan komputer selama 1 hingga 5 jam di dalam masa satu minggu. Seramai 180 orang responden mengatakan bahawa mereka menggunakan tempoh masa tersebut. Manakala 60 orang responden pula mengatakan mereka menggunakan masa 16 jam ke atas terhadap penggunaan komputer dalam jangka masa satu minggu.

Di dalam kategori pembolehubah pendapatan keluarga sebulan pula, kebanyakan responden berada di lingkungan pendapatan keluarga sebanyak RM1001 sehingga RM1500. Ini merupakan 26.9% daripada keseluruhan peratusan populasi. Manakala kategori sumber kewangan responden selama sebulan pula, 42.3% menyatakan mendapat sumber kewangan kurang daripada RM300. 24.7% pula mendapat sumber kewangan sebanyak RM351 – RM400 sebulan.

Seramai 136 orang responden atau 42.0% daripada keseluruhan populasi pula mengatakan bahawa mereka tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan ke atas komputer sama ada dari segi perbelanjaan menggunakan internet, perisian atau perkakasan. Tiga puluh lima perpuluhan dua peratus pula mengatakan bahawa mereka menghabiskan RM1 hingga RM10 sebulan daripada sumber kewangan mereka terhadap perbelanjaan menggunakan komputer.

4.1.2 Pola Di Antara Pendapatan Keluarga Sebulan Dengan Pemilikan Komputer.

Taburan responden yang memiliki komputer sama ada di rumah atau di kolej kediaman berdasarkan tingkat pendapatan ibubapa responden ditunjukkan di dalam jadual 4.2

Jadual 4.2 : Taburan Responden Yang Memiliki Komputer Berdasarkan Tingkat Pendapatan Ibubapa

Tingkat Pendapatan Ibubapa Responden	Pemilikan Komputer		Jumlah
	Ya	Tidak	
Tidak Bekerja	15 (6.6%)	10 (10.5%)	25 (7.7%)
Kurang daripada RM500	20 (8.7%)	30 (31.6%)	50 (15.4%)
RM501 – RM1000	45 (19.7%)	20 (21.1%)	65 (20.1%)
RM1001 – RM1500	67 (29.3%)	20 (21.1%)	87 (26.9%)
RM1501 – RM2000	21 (9.2%)	10 (10.5%)	31 (9.6%)
RM2001 – RM3000	31 (13.5%)	5 (5.3%)	36 (11.1%)
RM3001 – RM4000	10 (4.4%)	0	10 (3.1%)
RM4001 – RM5000	0	0	0
RM5001 dan ke atas	20 (8.7%)	0	20 (6.2%)
Jumlah	229 (100%)	95 (100%)	324 (100%)

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Seramai 229 responden mengaku memiliki komputer sama ada di rumah mahupun di kolej kediaman. Daripada jumlah tersebut, 29.3% atau seramai 67 responden berada di dalam lingkungan pendapatan ibubapa sebulan sebanyak RM1001 sehingga RM1500. Manakala itu, seramai 95 responden di dapati tidak

memiliki komputer. Kebanyakan mereka ini berada di dalam lingkungan pendapatan ibubapa yang kurang daripada RM500. Hasil daripada analisis ini juga menunjukkan bahawa pendapatan ibubapa maksimum bagi yang tidak memiliki komputer ialah RM3000. Ini mungkin disebabkan tingkat pendapatan ibubapa tersebut adalah agak kecil dan ini menyebabkan ibubapa tidak dapat menyediakan komputer untuk kegunaan responden.

4.1.3 Pola Di Antara Sumber Kewangan Sebulan Responden Dengan Perbelanjaan Sebulan Terhadap Komputer

Jumlah sumber kewangan sebulan responden adalah sumber pendapatan responden sama ada wang yang diterima daripada pengajur pelajaran (biasiswa atau pinjaman), ibubapa, ahli keluarga dan lain-lain sumber. Manakala perbelanjaan terhadap komputer pula bermaksud apa-apa perbelanjaan yang di keluarkan oleh responden selama sebulan yang berkaitan dengan penggunaan komputer, seperti perbelanjaan di kafe siber, pembelian perisian, disket dan lain-lain. Pola hubungan di antara kedua-dua ini boleh dilihat di dalam jadual 4.3

Jadual 4.3: Taburan Sumber Kewangan Sebulan Responden Dengan Perbelanjaan Sebulan Terhadap Komputer.

Jumlah Sumber Kewangan Sebulan	Perbelanjaan Komputer Sebulan(RM)				Jumlah
	tiada	1 - 10	11 - 20	>20	
< RM300	62(45.6%)	56(49.1%)	4(13.8%)	15(33.3%)	137(42.3%)
RM300 – RM350	40(29.4%)	27(23.7%)	-	5(11.1%)	72(22.2%)
RM351 – RM400	20(14.7%)	20(17.5%)	20(69.0%)	20(44.4%)	80(24.7%)
RM401 dan ke atas	14(10.3%)	11(9.6%)	5(17.2%)	5(11.1%)	35(10.8%)
Jumlah	136(100%)	114(100%)	29(100%)	45(100%)	324(100%)

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Daripada analisis di atas, kebanyakan responden menghabiskan RM1 hingga RM10 daripada sumber kewangan responden terhadap komputer dalam jangka masa satu bulan. Daripada analisis ini juga dapat dilihat bahawa sebanyak 49.1% yang menghabiskan RM1 hingga RM10 terhadap komputer mempunyai sumber kewangan yang kurang daripada RM300.

4.2 UJIAN PENGETAHUAN KOGNITIF

Data yang dikumpul menunjukkan nilai min keseluruhan responden bahagian kognitif ialah 0.51 atau 51%. Skor markah terendah responden ialah 2 atau 10% dan di kategorikan sebagai sangat lemah. Skor markah tertinggi responden ialah 17 atau 85% dan di kategorikan sebagai sangat baik. Seramai 149 responden tergolong dalam kategori sederhana dengan mendapat markah di antara 41% - 60%. Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan markah ujian pengetahuan kognitif.

Jadual 4.4: Taburan Responden Berdasarkan Markah Ujian Pengetahuan Kognitif

Markah (%)	Skala dan Kategori	Frekuensi N	Peratus
00 hingga 20	1 – Sangat Lemah	5	1.5
21 hingga 40	2 – Lemah	95	29.3
41 hingga 60	3 – Sederhana	149	46.0
61 hingga 80	4 – Baik	70	21.6
81 hingga 100	5 – Sangat Baik	5	1.5

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

4.2.1 Pola Di Antara Bangsa Dengan Ujian Pengetahuan Kognitif

Pola di antara pembelahan bangsa dengan keputusan ujian pengetahuan kognitif boleh dilihat di dalam jadual 4.5

Jadual 4.5: Taburan Bangsa Responden Dengan Keputusan Ujian Pengetahuan Kognitif Responden

Bangsa	Ujian Kognitif				
	00 – 20	21 – 40	41 – 60	61 – 80	81 - 100
Melayu	(20%) 1	(87.4%) 64	(26.8%) 40	(32.9%) 23	(20%) 1
Cina	(80%) 4	(28.4%) 27	(59.7%) 89	(45.7%) 32	(80%) 4
India		(4.2%) 4	(13.4%) 20	(20%) 14	
Lain-lain				(1.4%) 1	
Jumlah	(100%) 5	(100%) 95	(100%) 149	(100%) 70	(100%) 5

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Di dalam analisis ini kebanyakannya responden mendapat markah peratusan ujian pengetahuan kognitif di antara 41% hingga 60%. Di dalam lingkungan ini, bangsa cina menyumbangkan 59.7% daripada keseluruhan lingkungan populasi ini.

Bagi analisis bangsa secara individu pula, sebanyak 49.6% daripada keseluruhan peratusan bangsa melayu mendapat keputusan ujian pengetahuan kognitif di antara 21% hingga 40%. Ini dikira berada di tahap yang rendah. Bagi bangsa cina pula, sebanyak 57.1% berada di antara 41% hingga 60%. Ini adalah di dalam tahap sederhana. Manakala bangsa India pula, 52.6% berada di tahap sederhana juga, iaitu mendapat peratusan ujian pengetahuan kognitif di antara 41% hingga 60%.

4.2.2 Pola Hubungan Di Antara Pemilikan Komputer Dengan Keputusan Ujian Kognitif Responden

Pola hubungan di antara pemilikan komputer dengan keputusan ujian pengetahuan kognitif responden ditunjukkan di dalam jadual 4.6

Jadual 4.6: Taburan Pemilikan Komputer Responden Dengan Keputusan Ujian Kognitif Responden

Pemilikan Komputer	Ujian Kognitif				
	00 – 20	21 – 40	41 – 60	61 – 80	81 - 100
Ya	(100%) 5	(42.1%) 40	(86.6%) 129	(71.4%) 50	(100%) 5
Tidak		(57.9%) 55	(13.4%) 20	(28.6%) 20	
Jumlah	(100%) 5	(100%) 95	(100%) 149	(100%) 70	(100%) 5

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Di dalam analisis ini, 129 orang (86.6%) responden yang mendapat keputusan ujian pengetahuan kognitif antara 41% hingga 60% mengatakan memiliki komputer. Manakala 57.9% daripada keseluruhan responden yang tidak memiliki komputer mendapat keputusan ujian pengetahuan kognitif di antara 21% hingga 40%.

4.2.3 Pola Di Antara Pendapatan Ibubapa Responden Dengan Keputusan Ujian Kognitif Responden

Pola hubungan di antara pendapatan ibubapa responden dengan keputusan ujian pengetahuan kognitif responden dapat dilihat di dalam jadual 4.7

Jadual 4.7: Taburan Pendapatan Ibubapa Responden Dengan Keputusan Ujian Kognitif Responden.

Pendapatan Ibubapa (RM)	Ujian Kognitif				
	00 – 20	21 – 40	41 – 60	61 – 80	81 - 100
Tidak Bekerja		(10.5%) 10	(6.7%) 10	(7.1%) 5	
< RM500		(31.6%) 30	(13.4%) 20		
501 – 1000		(32.6%) 31	(16.1%) 24	(7.1%) 5	(100%) 5
1001 – 1500		(7.4%) 7	(33.6%) 50	(42.9%) 30	
1501 – 2000	(100%) 5	(6.3%) 6	(10.1%) 15	(7.1%) 5	
2001 – 3000		(1.1%) 1	(13.4%) 20	(21.4%) 15	
3001 – 4000			(3.4%) 5	(7.1%) 5	
4001 - 5000					
5001 dan ke atas		(10.5%) 10	(3.4%) 5	(7.1%) 5	
Jumlah	(100%) 5	(100%) 95	(100%) 149	(100%) 70	(100%) 5

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Di dalam analisis ini pula, di dapat bahawa responden yang memiliki skor tertinggi di dalam ujian pengetahuan kognitif mempunyai pendapatan ibubapa cuma RM501 hingga RM1000. Manakala responden yang mempunyai pendapatan ibubapa yang paling tinggi pula (RM5001 ke atas), 50% daripadanya cuma mendapat markah peratusan ujian kognitif antara 21% hingga 40%.

4.3 UJIAN PENENTUAN SIKAP

Min keseluruhan item bahagian sikap ini ialah 3.77 (lebih daripada titik rentas 3.0). Ini menunjukkan pada umumnya pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya bersikap positif terhadap komputer. Min skor minimum bagi bahagian ini ialah 2.70 (bersikap negatif) dan maksimum min skor ialah 5.0 (bersikap sangat positif). Pola dimensi sikap responden terhadap komputer mendapati 95.9% responden bersikap negatif dan 1.9% responden bersikap positif. Hanya 2.2% responden bersikap neutral terhadap komputer. Ini dapat dijelaskan melalui jadual 4.8

Jadual 4.8: Sikap Terhadap Komputer

Dimensi Sikap	Frekuensi N	Peratus
Positif	311	95.9
Neutral	7	2.2
Negatif	6	1.9
Jumlah	324	100

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Dapatan Min untuk setiap item di bahagian sikap boleh dilihat di jadual 4.9

Jadual 4.9: Dapatan Min Untuk Setiap Item di Bahagian Sikap

Item	Min	Sikap
1. Selesa berinteraksi dengan komputer	3.58	Positif
2. Suka belajar komputer	3.82	Positif
3. Komputer menjemukan	3.83	Positif
4. Selesa buat kerja menggunakan komputer	3.72	Positif
5. Cemas menggunakan komputer	3.73	Positif
6. Komputer menjadikan saya tidak tenang	3.71	Positif
7. Seronok melihat komputer menjalankan fungsinya	3.82	Positif
8. Komputer tidak menakjubkan	3.31	Positif
9. Belajar komputer membuang masa	4.31	Positif
10. Seronok belajar komputer untuk kehidupan seharian	3.83	Positif

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Bagi kenyataan negatif, nilai skor diterbalikkan supaya jelas pemberatannya.

Maka dengan itu, bagi kenyataan negatif, sikap positif memunjukkan bahawa responden bersikap sebaliknya dengan kenyataan tersebut.

4.4 UJIAN TAHAP KEMAHIRAN

Jumlah min keseluruhan item bagi bahagian ini ialah 3.31 iaitu berada di atas paras titik rentas 3.0. Secara umumnya ini menunjukkan bahawa responden mahir menggunakan komputer. Skor min minimum individu ialah 2.10 iaitu berada di tahap tidak mahir (dengan 5 kekerapan). Skor min maksimum responden ialah 5.0 (dengan 4 kekerapan) dengan menunjukkan responden berada di tahap paling mahir. Jadual 4.10 menunjukkan taburan responden mengikut skor min dan tahap kemahiran.

Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Skor Min dan Tahap Kemahiran

Skor Min	Frekuensi N	Peratus	Tahap
<3.00	197	60.8	Tidak Mahir
3.00 dan ke atas	127	39.2	Mahir

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Dapatan min untuk setiap item di bahagian kemahiran ditunjukkan di dalam jadual 4.11

Jadual 4.11: Dapatan Min Untuk setiap Item Bahagian Kemahiran

Item	Min	Sikap
1. Menulis karangan/ surat	3.97	Positif
2. Membuat graf	3.36	Positif
3. Membuat pengiraan matematik	2.97	Positif
4. Menambah/membuang maklumat daripada fail	3.71	Positif
5. Mencari maklumat melalui internet	3.65	Positif
6. Membuat jadual(table)	3.53	Positif
7. Menyimpan dalam (install) perisian	2.94	Positif
8. Guna e-mail	3.88	Positif
9. Sambung wayar komputer dan printer	2.82	Positif
10. Mengenal pasti masalah komputer	2.27	Positif

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

4.5 TAHAP LITERASI KOMPUTER

Jadual 4.12: Skor Pembelahan Kajian Secara Keseluruhan Mengikut Peratusan Markah

Pembelahan	N	Mini	Maxi	Julat	Min	S.Piawai	Median	Mod
Kognitif	324	10	85	75	51.33	15.32	50	50
Sikap	324	54	100	46	75.30	9.78	76	78
Kemahiran	324	42	100	58	65.94	11.74	64	60

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.12 menunjukkan skor-skor pembolehubah bersandar kajian ini diterangkan berdasarkan statistik diskriptif yang berkaitan dengan julat, min, sisian piawai, median dan mod. Skor tersebut memberi gambaran reaksi responden terhadap komponen literasi komputer. Dimensi kognitif mencatatkan julat skor 10 hingga 85 dengan skor min 51.33. Skor mod bahagian ini menunjukkan ramai responden berada pada skor 50. Dimensi sikap pula mencatatkan julat skor daripada 54 hingga 100 dengan skor min 75.30. Skor median sikap ialah 76 dan skor mod menunjukkan ramai responden berada pada skor 78. Manakala di dalam dimensi kemahiran pula, julat skor menunjukkan antara 42 hingga 100 dengan skor min 65.94. Skor median kemahiran ialah 64 dan skor mod menunjukkan ramai responden berada pada skor 60.

Jadual 4.13: Min Skor Keseluruhan Bagi Setiap bahagian Dalam Literasi Komputer

Bahagian	Julat	Skor Min	Peratus
Kognitif	0 – 1	0.51	51
Sikap	1 – 3	2.95	98.3
Kemahiran	1 - 2	1.71	85.5
TAHAP LITERASI KOMPUTER			78.27

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.13 menunjukkan skor min dalam bentuk peratus bagi setiap bahagian literasi komputer. Skor min yang paling banyak dalam ukuran tahap literasi komputer ialah pada bahagian sikap iaitu 98.3%. Skor min bagi bahagian kemahiran

dan kognitif 85.5% dan 51%. Gabungan skor min bagi ketiga-tiga bahagian ini dikenali sebagai tahap literasi komputer dan nilainya ialah 78.27%. Oleh itu tahap literasi komputer pelajar-pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya dapat disimpulkan sebagai sederhana tinggi.

4.6 HUBUNGAN DI ANTARA BAHAGIAN-BAHAGIAN DALAM LITERASI KOMPUTER

Bahagian ini memperlihatkan sama ada terdapat hubungan yang bererti di antara semua komponen literasi komputer iaitu pengetahuan kognitif dengan sikap, kognitif dengan kemahiran dan hubungan di antara sikap dengan kemahiran. Hubungan di antara ketiga-tiga bahagian dalam literasi komputer ini dibuat dengan menggunakan Jadual Silang dengan Ujian Chi Kuasa Dua pada nilai signifikan <0.05 . Ujian statistik Cramer V digunakan untuk melihat kekuatan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Hasil hubungan bahagian-bahagian literasi komputer dapat dilihat melalui jadual 4.14

Jadual 4.14: Hubungan Dalam Bahagian-bahagian Literasi Komputer

Bahagian Dalam Literasi Komputer	Nilai P	Cramer V
Kognitif dengan Sikap	.000	0.714
Kognitif dengan Kemahiran	.000	0.38
Sikap dengan Kemahiran	.121	0.114

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.14 di atas menunjukkan kesemua pembolehubah dalam bahagian-bahagian literasi komputer mempunyai hubungan yang bererti kecuali bahagian sikap dan kemahiran. Kognitif mempunyai nilai kekuatan Cramer V 0.714 dengan sikap. Manakala sikap mempunyai nilai kekuatan Cramer V 0.114 ke atas kemahiran.

4.7 HUBUNGAN DI ANTARA BAHAGIAN-BAHAGIAN DALAM TAHAP LITERASI KOMPUTER DENGAN PENDAPATAN IBUBAPA RESPONDEN

Untuk menguji hubungan di antara tahap literasi komputer dengan tingkat pendapatan ibubapa responden, tingkat pendapatan ibubapa dikodkan kepada 9 kategori iaitu tidak bekerja, kurang daripda RM500, RM501 hingga RM1000, RM1001 hingga RM1500, RM1501 hingga RM2000, RM2001 hingga RM3000, RM3001 hingga RM4000, RM4001 hingga RM5000, dan RM5001 ke atas. Analisis data dilakukan dengan menggunakan Jadual Silang dengan Ujian Chi Kuasa Dua untuk melihat sama ada terdapat hubungan di antara pembolehubah tersebut. Ujian statistik Cramer V dilakukan untuk melihat kekuatan pertalian pada nilai signifikan <0.05 . Hasil kajian dijelaskan melalui jadual 4.15

Jadual 4.15: Hubungan Di Antara Literasi Komputer Dengan Pendapatan Ibubapa Responden

Komponen Literasi	Nilai P	Cramer V	Catatan
Pengetahuan Kognitif	.000	0.353	Signifikan
Sikap	.000	0.342	Signifikan
Kemahiran	.000	0.309	Signifikan
Keseluruhan	.000	0.247	Signifikan

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.15 menunjukkan hubungan di antara tahap literasi komputer dengan pendapatan ibubapa responden. Tahap literasi komputer pada keseluruhannya menunjukkan adanya hubungan yang bererti dengan pendapatan ibubapa kerana mempunyai nilai signifikan kurang daripada 0.05.

4.8 HUBUNGAN DI ANTARA BAHAGIAN-BAHAGIAN DALAM TAHAP LITERASI KOMPUTER DENGAN BANGSA RESPONDEN

Untuk menguji hubungan di antara tahap literasi komputer dengan bangsa responden, data di analisis menggunakan Jadual Silang dengan Ujian Kuasa Dua untuk melihat sama ada ia mempunyai hubungan yang bererti atau tidak. Ujian statistik Cramer V juga digunakan untuk melihat sejauh mana kekuatan hubungan tersebut. Keputusannya seperti di jadual 4.16

Jadual 4.16 : Hubungan di antara Literasi Komputer dengan Bangsa Responden

Komponen Literasi	Nilai P	Cramer V	Catatan
Pengetahuan Kognitif	.000	0.236	Signifikan
Sikap	0.256	0.109	Tidak Signifikan
Kemahiran	0.163	0.178	Tidak Signifikan
Keseluruhan	0.113	0.126	Tidak signifikan

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.16 menunjukkan hubungan di antara tahap literasi komputer dengan bangsa responden. Keseluruhan tahap literasi komputer, sikap dan kemahiran tidak menunjukkan hubungan bererti dengan bangsa responden kerana mempunyai nilai signifikan besar daripada 0.05. Manakala pengetahuan kognitif mempunyai hubungan yang bererti dengan bangsa responden.

4.9 HUBUNGAN DI ANTARA TAHAP LITERASI KOMPUTER DENGAN LAMA MASA MENGGUNAKAN KOMPUTER SEMINGGU

Untuk menguji hubungan di antara tahap literasi komputer dengan lama masa menggunakan komputer seminggu, masa penggunaan dikodkan kepada lima kategori iaitu 0 jam, 1 hingga 5 jam, 6 hingga 10 jam, 11 hingga 15 jam, dan 16 jam ke atas. Penyelidik cuba melihat sama ada lama masa menggunakan komputer

mempunyai hubungan bererti dengan tahap literasi komputer responden. Berikut adalah keputusannya di dalam jadual 4.17

Jadual 4.17 : Hubungan di antara Literasi Komputer dengan Lama Masa Menggunakan Komputer Seminggu

Komponen Literasi	Nilai P	Cramer V	Catatan
Pengetahuan Kognitif	.000	0.366	Signifikan
Sikap	.001	0.203	Signifikan
Kemahiran	.000	0.331	Signifikan
Keseluruhan	.129	0.139	Tidak Signifikan

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.17 menunjukkan hubungan di antara tahap literasi komputer dengan lama masa menggunakan komputer dalam jangka masa satu minggu. Komponen literasi komputer menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (<0.05) manakala pada keseluruhan tahap literasi komputer tidak menunjukkan hubungan yang bererti.

4.10 HUBUNGAN DI ANTARA TAHAP LITERASI KOMPUTER DENGAN PEMILIKAN KOMPUTER

Untuk menguji hubungan di antara tahap literasi komputer dengan pemilikan komputer, data di analisis menggunakan Jadual Silang dengan Ujian Kuasa Dua untuk melihat sama ada ia mempunyai hubungan yang bererti atau tidak. Ujian

statistik Cramer V juga digunakan untuk melihat sejauh mana kekuatan hubungan tersebut. Keputusannya seperti di jadual 4.18

Jadual 4.18: Hubungan di antara Literasi Komputer dengan Memiliki Komputer

Komponen Literasi	Nilai P	Cramer V	Catatan
Pengetahuan Kognitif	.000	0.429	Signifikan
Sikap	.118	0.115	Tidak Signifikan
Kemahiran	.000	0.410	Signifikan
Keseluruhan	.001	0.212	Signifikan

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Jadual 4.18 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang bererti di antara sikap dengan pemilikan komputer. Tahap literasi komputer secara keseluruhan pula menunjukkan adanya hubungan bererti dengan pemilikan komputer (<0.05)

4.11 UJIAN HIPOTESIS

Jadual 4.19 menunjukkan hasil Jadual silang dengan Ujian Chi Kuasa Dua bagi hipotesis yangh diuji.

Jadual 4.19 : Nilai Pengujian Hipotesis

Komponen Literasi	Nilai P	Cramer V	Catatan
Pendapatan ibubapa dengan literasi komputer	.000	0.247	Signifikan
Lama masa penggunaan komputer dengan literasi komputer	.129	0.139	Tidak Signifikan
Sikap dan Kemahiran dengan literasi komputer	.000	0.632	Signifikan

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

Penentu sama ada terdapat hubungan di antara pembolehubah (bersandar atau tidak bersandar) ialah pada nilai aras keertian pembolehubah tersebut. Jika keertiannya kurang daripada 0.05 maka hipotesis nul ditolak dan ini menunjukkan terdapat hubungan di antara pembolehubah tersebut. Sebaliknya jika aras keertiannya melebihi 0.05 maka hipotesis nul diterima dan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara pembolehubah tersebut. Hasil daripada ujian hipotesis menunjukkan:

1. Terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkat pendapatan ibubapa dengan tahap literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara banyak masa menggunakan komputer seminggu dengan tahap literasi pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

3. Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan kemahiran dengan ukuran literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

4.12 PERBINCANGAN

Perbincangan kajian bertumpu kepada isu-isu yang berkaitan dengan literasi komputer seperti, banyak masa menggunakan komputer, kelebihan memiliki komputer dan hubungan di antara pengetahuan, sikap dan kemahiran komputer dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan suka kepada teknologi maklumat.

4.12.1 Pemilikan Komputer di Rumah

Kajian ini mendapati terdapat pola yang positif di antara pemilikan komputer sama ada di rumah ataupun di kolej kediaman dengan tingkat pendapatan ibubapa responden. Ini membawa maksud semakin tinggi tingkat pendapatan ibubapa semakin ramai bilangan responden yang memiliki komputer. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemilikan komputer mempunyai pola yang positif juga terhadap tahap literasi komputer, kemahiran dan tahap penguasaan pengetahuan kognitif. Senario ini bukanlah suatu yang mustahil kerana pemilikan komputer memberi kelebihan kepada responden untuk mempelajari atau memperolehi pengalaman menggunakan komputer.

Walaupun teknologi berkembang pesat serta kejatuhan harga sebuah komputer, tidak semua golongan masyarakat (terutamanya golongan berpendapatan

rendah) mampu memiliki komputer, tambahan pula sekiranya tanggungan isirumah mereka agak tinggi. Bagi golongan berpendapatan rendah, komputer masih dianggap sebagai suatu barang mewah.

Adalah diharapkan daripada kempen kerajaan ‘satu komputer satu rumah’ dapat mengisi jurang kelemahan pelajar-pelajar terhadap literasi komputer. Menurut pengalaman penyelidik, mempelajari komputer secara praktikal adalah lebih mudah berbanding secara teori. Kemahiran berkomputer selalunya datang daripada pengalaman menggunakan komputer, sama ada dari segi aspek penggunaan perisian, perkakasan mahupun internet.

4.12.2 Tahap Literasi Komputer Pelajar

Berdasarkan analisis data daripada borang soal selidik yang telah diedarkan, kajian ini mendapati skor min responden ialah 78.27%. Ini menunjukkan para pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya mempunyai literasi komputer di tahap sederhana tinggi. Walaupun daripada hasil kajian menunjukkan keputusan yang agak baik, para pelajar seharusnya tidak terlalu leka dengan tahap literasi komputer yang dimiliki.

Perlu di ingat bahawa teknologi komputer berkembang pesat dan pertukaran teknologi perkakasan mahupun perisian berlaku dengan kadar yang cepat. Adalah di khawatiri sekiranya para pelajar ini tidak mengemaskini pengetahuan dan kemahirannya tentang komputer, mereka akan ketinggalan zaman dan hanya mempunyai pengetahuan yang boleh di anggap lapuk.

Hasil kajian juga mendapati bahawa bahagian sikap dan kemahiran banyak membantu skor literasi komputer pelajar. Di dalam bahagian pengetahuan kognitif, skor para pelajar adalah agak sederhana. Ini menunjukkan bahawa para pelajar memerlukan lebih pendedahan kepada pengetahuan kognitif seperti aplikasi sistem, penggunaan perisian, perkakasan mahupun mendalami teknologi internet.


4.13 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan hasil kajian secara menyeluruh tentang latar belakang responden, hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah terpilih daripada bahagian latar belakang dengan tahap literasi komputer responden, hubungan di antara komponen-komponen literasi, tahap literasi pelajar dan juga ujian hipotesis. Setiap hasil disertakan dengan perangkaan dan digambarkan melalui graf supaya senarionya dapat dilihat dengan lebih jelas.

Dapat dijelaskan daripada penganalisaan data menunjukkan:

1. Tahap literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya adalah sederhana tinggi iaitu 78.27%
2. Terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkat pendapatan ibubapa dengan tahap literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.
3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara banyak masa menggunakan komputer seminggu dengan tahap literasi pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.

4. Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan kemahiran dengan ukuran literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.




RAJAH 4.1: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT TAHAP LITERASI KOMPUTER

Penunjuk Kategori Literasi Komputer

Skor Min (%)	Kategori
0 - 30	Rendah
31 - 55	Sederhana Rendah
56 - 80	Sederhana Tinggi
81 - 100	Tinggi

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.




RAJAH 4.2: TABURAN TINGKAT PENDAPATAN KELUARGA MENGIKUT TAHAP LITERASI KOMPUTER RESPONDEN

Penunjuk Kategori Literasi Komputer

Skor Min (%)	Kategori
0 – 30	Rendah
31 – 55	Sederhana Rendah
56 – 80	Sederhana Tinggi
81 – 100	Tinggi

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.



RAJAH 4.3: TABURAN PEMILIKAN KOMPUTER MENGIKUT TAHAP LITERASI KOMPUTER

Penunjuk Kategori Literasi Komputer

Skor Min (%)	Kategori
0 – 30	Rendah
31 – 55	Sederhana Rendah
56 – 80	Sederhana Tinggi
81 – 100	Tinggi

Sumber: Dapatan Kajian Mengenai Literasi Komputer di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.